

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. Tuan Tony Pua Kiam Wee  
[ Petaling Jaya Utara ]  
TARIKH : 19.03.2014  
SOALAN :

Y.B. Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab 93% pemohon, dan 70% yang diterima untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan tidak mencapai kelayakan minima 3A untuk SPM; dan sebaliknya hanya 3% daripada yang diterima mempunyai pencapaian cemerlang (*high performers*). Adakah ini sebab kemerosotan kualiti pendidikan kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menetapkan syarat minimum pengambilan calon guru bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dengan memperoleh cemerlang dalam mana-mana tiga (3) mata pelajaran **dan** mendapat sekurang-kurangnya tiga (3) kepujian dalam mata pelajaran lain. Calon **juga** mesti mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan satu (1) mata pelajaran yang lain, serta calon mestilah lulus Bahasa Inggeris dan memenuhi syarat bidang pengkhususan yang dipohon. Di samping itu, calon diwajibkan lulus ujian INSAK (Inventori Sahsiah Keguruan), lulus temuduga, tapisan kesihatan serta tapisan keselamatan sebelum dipilih mengikuti program berkenaan.